

# Sistem penggiliran KM Sabah ada kelemahan

BH 1.8 FEB 2011

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang dilaksanakan sekarang ada kelemahan yang diibaratkan sebagai 'itik tempang'.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, beliau sedang mengkaji kesesuaian sistem itu selepas diberi mandat oleh pemimpin Barisan Nasional (BN) Sabah untuk membuat keputusan.

Katanya, apabila jawatan Ketua Menteri digilirkan setiap dua tahun, ia menyebabkan kerajaan yang memerintah menjadi tidak berkesan.

"Ini kelemahan walaupun kita boleh hidup dengan kelemahan itu, tapi kita nak atasi masalah *lame duck*."

"Macam di Amerika. Apabila presiden masuk penggal keduanya, dia dikira *lame duck*. Apa yang dibuat (oleh Presiden), orang tidak begitu peduli pasal tunggu dia digantikan orang lain."

"Jadi (dalam kes Sabah), kita ada (Ketua Menteri) baru setiap dua tahun. Sebab itulah kerajaan akan menjadi tidak efektif," katanya ditanya mengenai hasil pertemuan berasingannya dengan pemimpin parti BN negeri itu, di pejabatnya di Putrajaya, Rabu lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Perhimpunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Untuk K-Ekonomi di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini semalam.

Penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah ma-

sih menjadi teka-teki berikutan tempoh perkhidmatan dua tahun Datuk Osu Sukam dijadualkan tamat pertengahan bulan depan.

Sistem itu diperkenalkan pada 1994 oleh Dr Mahathir sebagai langkah mewujudkan kestabilan politik Sabah dengan menggilirkan pemimpin tiga kaum utama di negeri itu setiap dua tahun.

Ia didahului kuota Bumiputera Islam dengan penyandangannya Tun Sakaran Dandai dan Datuk Seri Salleh Tun Said; diikuti kuota Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan Bumiputera bukan Islam (Tan Sri Benrnard Dompok).

Perdana Menteri yang juga Presiden BN mengakui pada pertemuan itu tidak diputuskan sama ada sistem penggiliran itu dimansuhkan.

Katanya, perbincangannya itu untuk mendapatkan pendapat dan maklum balas daripada pemimpin BN di negeri itu.

"Saya tunggu mereka mencatatkan pendapat mereka supaya saya boleh ada hitam putih."

"Tak ada makna kita berjumpa kalau kita tak nak mencari penyelesaian. Kalau cuma nak rusukan dengan apa yang ada itu bukan penyelesaian kepada masalah. Jadi, kita nak cari jalan supaya kita dapat mengatasi semua masalah," katanya.

Ditanya mengapa perlu ada catatan bertulis atau disebabkan amalam pemimpin melompat parti, Dr Mahathir berkata: "Kalau saya dengar enam orang bercakap, kadang-kadang saya terlu-

pa apa yang mereka cakapkan, maklumlah orang tua selalu terlupa."

"Walaupun ada yang bersifat 'katak', tapi tidak semua," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, meskipun mereka memberi mandat kepadanya, pemimpin Sabah yang meneruinya juga memberikan pendapat masing-masing mengenainya.

"Bukan serah begitu saja. Dia bagilah dia punya syarat. Mandat pun dia bagi juga," katanya.

Mengenai isu penggiliran itu satu keputusan yang sukar, Dr Mahathir berkata semua keputusan adalah sukar.

Beliau bagaimanapun menolak anggapan sistem itu dikaji semula berikutan keengganan Umno melepaskan jawatan ketua menteri yang sedang dipegang oleh ketua Umno.

"Tidak juga, kita agak fleksibel," katanya.

Mengenai pelantikan Tan Sri Azizan Zainul Abidin sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Perdana Menteri berkata, pelantikan Azizan amat sesuai.

"Saya kira ia pelantikan yang bagus, kita ambil Tan Sri Azizan sebagai pengerusi bukan eksekutif dan seorang eksekutif (Datuk Md Nor Md Yusof - Pengarah Urusan baru) yang dipertanggungjawabkan. Saya fikir mereka boleh bekerjasama. Kalau Tan Sri Azizan boleh mengendalikan Petronas dengan baik, saya percaya dia boleh menguruskan MAS," katanya.